



PESTA SUKAN KEMENTERIAN KEWANGAN (PSKK) 2026

KALI KE-47

PERATURAN PERTANDINGAN

ACARA SUKAN:

PICKLEBALL

1. PENGENALAN

1.1. Nama Pertandingan

- 1.1.1. Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Pickleball Pesta Sukan Kementerian Kewangan Kali Ke-47 Tahun 2026 (PSKK 2026) yang diselolakan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

1.2. Pengelola dan Penyedia Perkhidmatan Teknikal Pertandingan

- 1.2.1. Pickle ME dilantik sebagai Penyedia Perkhidmatan Teknikal Rasmi bagi Pertandingan Pickleball PSKK 2026 dan bertanggungjawab menyokong perancangan, persediaan teknikal dan pelaksanaan operasi pertandingan.

1.3. Kategori Pertandingan

- 1.3.1. Pertandingan Pickleball PSKK 2026 dipertandingkan dalam lima (5) kategori seperti berikut:

No.	Kategori
1.	Beregu Wanita (W) Kategori Terbuka
2.	Beregu Terbuka Kategori Pegawai / Veteran
3.	Beregu Lelaki (L) Kategori Terbuka
4.	Beregu Campuran (C) Kategori Terbuka
5.	Beregu Terbuka (Jika Perlu)

2. PERATURAN UMUM

- 2.1. Selain daripada peraturan pertandingan ini, pertandingan ini adalah tertakluk kepada Peraturan Am Pesta Sukan Kementerian Kewangan Kali Ke-47 Tahun 2026 (PSKK 2026), Undang-undang *USA Pickleball Official Rulebook 2026*.
- 2.2. Sekiranya terdapat percanggahan antara Peraturan Pertandingan ini dengan Peraturan Am PSKK 2026, maka Peraturan Am PSKK 2026 hendaklah diguna pakai.
- 2.3. Sebarang perkara yang tidak diperuntukkan dalam Peraturan Pertandingan ini hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 dengan mengambil kira Peraturan Am PSKK 2026, Undang-undang *USA Pickleball Official Rulebook 2026* yang sedang berkuat kuasa.

3. TARIKH DAN TEMPAT PERTANDINGAN

- 3.1. Tarikh dan tempat pertandingan Pickleball PSKK 2026 adalah seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 seperti berikut:

Tarikh	22 November 2026 (Ahad)
Tempat	Kompleks Sukan SUK Selangor, Dewan Badminton

- 3.2. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak membuat pindaan terhadap tarikh, masa, tempat atau jadual pertandingan sekiranya perlu atas faktor keselamatan, teknikal, operasi atau sebab-sebab munasabah yang lain. Sebarang pindaan akan dimaklumkan kepada semua agensi dengan kadar segera.

3.3. Sebarang Pindaan akan dimaklumkan kepada semua agensi dengan kadar segera.

3.4. Jenis Permukaan Gelanggang.

3.4.1. Semua perlawanan akan dimainkan di dalam Dewan Badminton, Kompleks Sukan SUK Selangor.

3.4.2. Bagi tujuan pertandingan ini, permukaan sedia ada dewan akan dilitupi dengan permukaan gelanggang *pickleball* sementara daripada vinil PVC bercetak khas (*custom-printed PVC vinyl pickleball floor mat*) daripada jenama *PROTECH XP*.

3.4.3. Permukaan tersebut bukan gelanggang *pickleball* kekal dan bukan permukaan akrilik, konkrit, asfalt, kayu atau parket.

3.5. Bahan dan Spesifikasi Permukaan

3.5.1. Permukaan gelanggang yang digunakan adalah daripada binaan vinil PVC berbilang lapisan dengan ketebalan 2.5-3.0mm, yang merangkumi:

3.5.1.1. Lapisan permukaan berkemasana dan bertekstur dengan rawatan UV, bersifat tahan kotoran dan mudah dibersihkan.

3.5.1.2. Lapisan lutsinar tahan haus yang mempunyai ciri rintangan gelinciran.

- 3.5.1.3. Lapisan cetakan khusus yang mengandungi garisan dan penandaan gelanggang pickleball.
- 3.5.1.4. Lapisan pengukuh gentian kaca dan jaring poliester bago meningkatkan kestabilan permukaan.
- 3.5.1.5. Lapisan berketumpatan tinggi yang direka untuk menyokong lantunan bola.
- 3.5.1.6. Lapisan dasar anti-gelincir bagi mengurangkan pergerakan permukaan semasa permainan.

3.6. Ciri Pengalaman Permainan dan Penerimaan Jenis Permukaan.

- 3.6.1. Semua agensi, pegawai pasukan dan pemain adalah dimaklumkan bahawa kelajuan bola, lantunan bola, cengkaman kasut, pergerakan pemain, dan pengalaman bermain secara umum (***general playing experience***) di atas permukaan vinil PVC adalah berbeza daripada gelanggang akrilik, konkrit, kayu, parket atau permukaan lain.
- 3.6.2. Pemain hendaklah memakai kasut gelanggang dalam yang mempunyai cengkaman sesuai, tidak meninggalkan kesan dan tidak merosakkan permukaan.

3.7. Pemeriksaan dan Bantahan Berkaitan Permukaan.

- 3.7.1. Perbezaan pengalaman bermain yang dijangka dan yang telah dinyatakan (***generally expected and explicitly stated differences in***

playing experience) tidak boleh, dengan sendirinya, dijadikan alasan untuk bantahan, permainan semula, penangguhan perlawanan atau permohonan pertukaran gelanggang.

- 3.7.2. Sebarang bantahan terhadap kecacatan pemasangan atau keadaan keselamatan yang ketara hendaklah dikemukakan oleh Pengurus atau Ketua Pasukan kepada Pengadil sebelum perlawanan pertama pasukan tersebut dimulakan di gelanggang berkenaan.
- 3.7.3. Selepas sesuatu perlawanan dimulakan, permukaan gelanggang hendaklah dianggap telah diterima oleh pasukan, kecuali sekiranya berlaku kecacatan tersembunyi, pergerakan permukaan, kerosakan atau keadaan baharu yang boleh menjejaskan keselamatan atau keadilan permainan.
- 3.7.4. Pengadil berhak menghentikan sementara permainan dan mengarahkan pelarasan, pembaikan atau penggantian permukaan sekiranya perlu.
- 3.7.5. Keputusan pengadil berhubung kesesuaian gelanggang untuk meneruskan permainan adalah muktamad, tertakluk kepada Peraturan Am PSKK 2026.

4. PENDAFTARAN PEMAIN

- 4.1. Setiap agensi yang menyertai acara ini hendaklah mendaftarkan penyertaan bagi semua kategori yang dipertandingkan di bawah acara tersebut. Kegagalan mematuhi syarat ini boleh menyebabkan penyertaan agensi berkenaan ditolak atau dibatalkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 4.2. Setiap pasukan hendaklah mendaftarkan bilangan pemain mengikut syarat penyertaan bagi setiap acara sukan. Bilangan pemain, pemain simpanan, Pengurus Pasukan dan Jurulatih yang dibenarkan adalah seperti yang diperincikan dalam jadual bagi setiap acara (Perkara 3.0 Peraturan Am Pesta Sukan Kementerian Kewangan Ke-47, 2026).

No.	Kategori	Pemain	Simpanan	Pengurus	Jurulatih
1.	Beregu Wanita (W) Kategori Terbuka	2	Tiada	1	1
2.	Beregu Terbuka Kategori Pegawai / Veteran	2			
3.	Beregu Lelaki (L) Kategori Terbuka	2			
4.	Beregu Campuran (C) Kategori Terbuka	2 (1 lelaki 1 wanita)			
5.	Beregu Terbuka (Jika Perlu)	Pemain dipilih			

		sebelum perlawanan penentuan diadakan			
--	--	--	--	--	--

- 4.3. Semua pemain hendaklah berdaftar dengan agensi masing-masing mengikut syarat yang ditetapkan dalam Peraturan Am PSKK 2026.
- 4.4. Hanya pemain yang berdaftar dan disahkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 layak mengambil bahagian dalam pertandingan.
- 4.5. Sebarang pendaftaran pemain yang diterima selepas tarikh tutup pendaftaran tidak akan dipertimbangkan, melainkan mendapat kelulusan Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 4.6. Sebarang permohonan pindaan pendaftaran pemain selepas tarikh tutup hendaklah mendapat kelulusan Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 tertakluk kepada Peraturan Am PSKK 2026.
- 4.7. Setiap pasukan hendaklah mendaftarkan 8 pemain.
- 4.8. Semua pemain, mesti disenaraikan dalam pendaftaran rasmi sebelum kejohanan bermula.

5. FORMAT PERTANDINGAN

- 5.1. Format pertandingan hendaklah mengikut Peraturan Am PSKK 2026, Perkara 11.0 (Pertandingan) dan jadual pertandingan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

Peringkat	Kaedah
Kumpulan	Setiap pertemuan antara dua pasukan terdiri daripada empat perlawanan beregu.
Kalah-Mati	Pasukan yang layak meneruskan pertandingan mengikut carta kalah mati. Jika keputusan terikat 2–2, satu perlawanan penentuan Beregu Campuran akan dimainkan.

- 5.2. Mulai edisi PSKK 2026, pertandingan Pickleball akan dipertandingkan secara berpasukan sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 5.3. Umur pemain veteran adalah sebagaimana perkara 4.1.3 Peraturan Am Pesta Sukan Kementerian Kewangan Ke-47, 2026.
- 5.4. Semua jadual pertandingan adalah tertakluk kepada ketetapan Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 5.5. *WALK-OVER* adalah tidak dibenarkan kecuali kerana kecederaan atau sebab lain tertakluk kepada budi bicara Ketua Pengadil. Jika mana-mana pasukan memberi kemenangan *WALK-OVER*, kategori tersebut akan dimenangi oleh pihak lawan sama ada sebelum atau selepas permainan dimulakan. Sekiranya pemain mengalami kecederaan dan telah dinilai oleh pihak perubatan sebagai tidak

dapat meneruskan permainan, pasukan tersebut dibenarkan melantik pemain gantian daripada kalangan pemain yang telah didaftarkan dalam pasukan.

- 5.6. Sebelum perlawanan bermula, Pengurus atau Ketua Pasukan hendaklah mengemukakan senarai pemain kepada Ketua Pengadil 30 minit.
- 5.7. Nama pemain perlu dikemukakan oleh Pengurus atau Ketua Pasukan kepada Ketua Pengadil 3 minit sebelum perlawanan penentuan bermula.
- 5.8. Pertukaran nama pemain selepas penyerahan senarai susunan permainan tidak akan dilayan.
- 5.9. Semua perlawanan hendaklah berjalan sebagaimana dijadualkan. Permohonan untuk penangguhan tidak akan dilayan kecuali atas sebab-sebab yang telah dinyatakan.
- 5.10. Pasukan hendaklah bersedia apabila dipanggil. Kelewatan boleh menyebabkan amaran, kehilangan perlawanan atau walkover atas keputusan Pengarah Kejohanan.
- 5.11. Jadual boleh bergerak lebih awal atau lewat mengikut tempoh perlawanan. Semua pasukan hendaklah kekal bersedia sehingga tamat penyertaan mereka.

6. PERALATAN

- 6.1. Pemain hendaklah menggunakan paddle yang selamat dan tidak diubah suai secara tidak sah berpandukan Undang-undang *USA Pickleball Official Rulebook 2026*

- 6.2. Kasut sukan yang sesuai untuk permukaan gelanggang dalaman adalah diwajibkan seperti yang dinyatakan di Perkara 3.5, 3.6 dan 3.7.
- 6.3. Pemain digalakkan memakai pakaian pasukan yang seragam dan tidak memakai warna yang terlalu menyerupai warna bola.
- 6.4. Urus setia berhak memeriksa peralatan dan mengarahkan pertukaran peralatan yang tidak sesuai atau tidak selamat.

7. WAKTU PERTANDINGAN DAN PENANGGUHAN PERTANDINGAN

- 7.1. Semua perlawanan hendaklah dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 7.2. Semua pemain hendaklah melaporkan diri kepada pegawai pertandingan sekurang-kurangnya tiga puluh (30) minit sebelum waktu perlawanan yang dijadualkan.
- 7.3. Mana-mana pemain atau pasukan yang gagal melaporkan diri mengikut masa yang ditetapkan boleh dianggap gagal hadir dan tindakan lanjut hendaklah diambil mengikut Peraturan Pertandingan ini serta keputusan Ketua Pengadil.
- 7.4. Semua pasukan hendaklah bersedia untuk memulakan perlawanan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak memulakan perlawanan lebih awal atau lewat daripada jadual yang ditetapkan sekiranya keadaan memerlukan.

- 7.5. Sekiranya sesuatu perlawanan tidak dapat diteruskan akibat kegagalan hadir atau sebab-sebab lain yang dibenarkan di bawah Peraturan Pertandingan ini, keputusan hendaklah dibuat oleh Ketua Pengadil.
- 7.6. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak menangguhkan, memberhentikan atau menjadualkan semula sesuatu perlawanan sekiranya berlaku keadaan yang boleh menjejaskan kelancaran atau keselamatan pertandingan, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerosakan peralatan, gangguan teknikal, bencana, cuaca, arahan pihak berkuasa atau keadaan luar jangka yang lain.
- 7.7. Sebarang perubahan terhadap jadual pertandingan hendaklah dimaklumkan kepada semua agensi secepat mungkin.

8. PEGAWAI TEKNIKAL

- 8.1. Semua Pegawai Teknikal pertandingan hendaklah dilantik oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 8.2. Pegawai Teknikal hendaklah menjalankan tugas mengikut Undang-undang *USA Pickleball Official Rulebook 2026* yang sedang berkuat kuasa serta Peraturan Am PSKK 2026.
- 8.3. Semua pemain, Pengurus Pasukan dan Jurulatih hendaklah mematuhi arahan serta keputusan Pegawai Teknikal sepanjang pertandingan berlangsung.

- 8.4. Keputusan Pegawai Teknikal berkaitan pengendalian sesuatu perlawanan adalah muktamad, tertakluk kepada peruntukan rayuan yang ditetapkan dalam Peraturan Am PSKK 2026, jika berkenaan.
- 8.5. Bagi maksud Peraturan ini, “Kawasan Permainan” merangkumi permukaan gelanggang, ruang bebas di sekeliling gelanggang, kawasan bangku pasukan dan mana-mana zon teknikal yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026. Semasa sesuatu perlawanan berlangsung, hanya individu berikut dibenarkan berada di dalam Kawasan Permainan:
- a. Pemain yang sedang bertanding.
 - b. Pemain berdaftar daripada kedua-dia pasukan yang ditempatkan di kawasan bangku pasukan.
 - c. Seorang Pengurus Pasukan dan seorang Jurulatih yang berdaftar bagi setiap pasukan.
 - d. Pengarah Pertandingan, Ketua Pengadil, pengadil dan Pegawai Teknikal yang bertugas
 - e. Petugas teknikal atau petugas gelanggang Pickle ME yang diberi kuasa.
 - f. Pegawai perubatan atau petugas kecemasan apabila dipanggil.
 - g. Wakil Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 atau mana-mana individu lain yang diberikan kebenaran khusus.

- 8.6. Hanya pemain yang sedang bertanding dan pengadil yang bertugas dibenarkan memasuki permukaan gelanggang. Individu lain yang dibenarkan dalam Kawasan Permainan hendaklah kekal di zon yang ditetapkan, kecuali diarahkan sebaliknya oleh pengadil.
- 8.7. Penonton, petugas media, jurugambar, penyokong, tetamu dan individu lain yang tidak dinyatakan dalam Perkara 8.5 tidak dibenarkan memasuki Kawasan Permainan tanpa kebenaran Ketua Pengadil atau Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 8.8. Ketua Pengadil, Pegawai Teknikal atau petugas keselamatan berhak mengarahkan mana-mana individu yang tidak dibenarkan, atau yang mengganggu keselamatan dan kelancaran pertandingan, supaya meninggalkan Kawasan Permainan dengan serta-merta.

9. SISTEM PERTANDINGAN DAN PERATURAN TEKNIKAL

- 9.1. Bagi empat perlawanan pertama, setiap pemain hanya boleh bermain sekali dalam pertemuan pasukan yang sama.
- 9.2. Oleh itu, sekurang-kurangnya lapan pemain berbeza perlu diturunkan untuk melengkapkan empat perlawanan pertama.
- 9.3. Bagi perlawanan penentuan, mana-mana pemain berdaftar dalam pasukan boleh dipilih, termasuk pemain yang telah bermain dalam empat perlawanan pertama.
- 9.4. Nama pemain hendaklah dikemukakan oleh Pengurus atau Ketua Pasukan kepada Ketua Pengadil 3 minit sebelum perlawanan penentuan bermula.
- 9.5. Susunan yang telah disahkan tidak boleh diubah kecuali dengan kelulusan pegawai pertandingan.
- 9.6. Format pemarkahan adalah seperti berikut:

Komponen	Peraturan Pemarkahan
Sistem Mata	Sistem mata akan menggunakan sistem <i>Rally Scoring</i> . Satu mata diberikan kepada pasukan yang memenangi setiap <i>rally</i> , tanpa mengira pasukan yang melakukan servis.
Format Permainan	Satu permainan hingga 15 mata.
Penentuan Kemenangan	Pasukan pertama mencapai 15 mata memenangi permainan.
<i>Sudden-Death</i>	Tiada keperluan menang dengan perbezaan dua

	mata. Mata ke-15 adalah mata kemenangan.
Servis Beregu	Hanya seorang pemain melakukan servis sebelum <i>side-out</i> . Selepas pasukan yang melakukan servis kalah di dalam <i>rally</i> , servis berpindah kepada pihak lawan.
Panggilan Skor	Skor disebut dengan dua nombor: skor pasukan yang melakukan servis diikuti skor pasukan penerima.

- 9.7. Dalam pusingan kalah mati, keputusan 2–2 akan diselesaikan melalui satu perlawanan penentuan Beregu Terbuka.
- 9.8. Pemenang perlawanan penentuan memenangi pertemuan pasukan dengan keputusan keseluruhan 3–2.
- 9.9. Dalam peringkat pusingan kumpulan (*round robin*), tiada perlawanan penentuan dimainkan. Keputusan 2–2 direkodkan sebagai seri, melainkan penganjur mengeluarkan ketetapan lain sebelum pertandingan bermula.
- 9.10. Bagi peringkat pusingan kumpulan, penentuan kedudukan hendaklah dibuat seperti berikut:
- 9.10.1. Kedudukan akan ditentukan berdasarkan **jumlah perlawanan yang dimenangi**.
- 9.10.2. Jika berlaku 2 pasukan yang terlibat, pasukan yang telah mengalahkan lawannya di peringkat kumpulan akan dikira sebagai pemenang.

- 9.10.3. Perbezaan perlawanan: jumlah perlawanan menang ditolak jumlah perlawanan kalah.
- 9.10.4. Perbezaan mata: jumlah mata menang ditolak jumlah mata kalah.
- 9.10.5. Sekiranya **dua (2) atau lebih pasukan** masih terikat selepas semua kaedah penentuan di atas digunakan, kedudukan akan ditentukan melalui **cabutan undi** yang dijalankan oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 9.11. Servis mesti dilakukan secara silang ke petak servis pihak lawan dan mematuhi kaedah servis yang dibenarkan oleh *USA Pickleball*.
- 9.12. Peraturan dua lantunan terpakai: bola servis mesti melantun sekali di pihak penerima, dan pukulan balas pertama mesti melantun sekali di pihak pelaku servis sebelum *volley* dibenarkan.
- 9.13. *Volley* tidak dibenarkan dari zon *non-volley* atau apabila momentum pemain selepas *volley* membawanya masuk atau menyentuh zon tersebut.
- 9.14. Bola yang menyentuh mana-mana bahagian garisan dikira masuk, kecuali servis yang menyentuh garisan zon *non-volley* dikira *fault*.
- 9.15. Panggilan garisan hendaklah dibuat dengan segera dan jelas. Jika terdapat keraguan, manfaat keraguan diberikan kepada pihak lawan.
- 9.16. Keputusan pegawai pertandingan bagi fakta permainan dan tafsiran peraturan adalah muktamad bagi kejohanan ini.

- 9.17. Tiada *time out* dibenarkan semasa pusingan *round robin*. Bagi pusingan kalah mati, setiap pasukan diberikan dua (2) *time out* selama satu (1) minit bagi setiap permainan.
- 9.18. Jika bola dari gelanggang lain atau gangguan luar menjejaskan *rally*, pemain hendaklah berhenti bermain apabila diarahkan dan *rally* boleh dimainkan semula.
- 9.19. *Time out* perubatan tertakluk kepada kelulusan pegawai pertandingan. Keselamatan pemain sentiasa diutamakan.

10. PAKAIAN PERTANDINGAN

- 10.1. Semua pemain hendaklah memakai pakaian sukan yang kemas, bersesuaian dan sopan sepanjang pertandingan.
- 10.2. Pemain daripada agensi yang sama hendaklah memakai pakaian pertandingan yang seragam.
- 10.3. Setiap beregu diwajibkan untuk memakai baju yang seragam sepanjang tempoh bertanding.
- 10.4. Semua pemain hendaklah memakai kasut sukan yang bersesuaian dan tidak menjejaskan keselamatan atau permukaan gelanggang pertandingan seperti yang dinyatakan di Perkara 3.5, 3.6, dan 3.7.
- 10.5. Ketua Pengadil berhak melarang mana-mana pemain daripada mengambil bahagian sekiranya pakaian atau kelengkapan yang digunakan didapati tidak mematuhi Peraturan Pertandingan ini.

11. SYARAT PERTANDINGAN

- 11.1. Hanya pemain yang berdaftar dan disahkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 layak mengambil bahagian dalam pertandingan.
- 11.2. Pemain hanya dibenarkan mengambil bahagian dalam kategori yang telah didaftarkan dan diluluskan.

- 11.3. Semua pemain hendaklah bersedia untuk bermain apabila dipanggil oleh Pegawai Teknikal atau Ketua Pengadil.
- 11.4. Semua pemain hendaklah mematuhi arahan Pegawai Teknikal sepanjang pertandingan berlangsung.
- 11.5. Semua pemain bertanggungjawab memastikan mereka berada dalam keadaan sihat dan cergas sebelum mengambil bahagian dalam pertandingan.
- 11.6. Mana-mana pasukan atau pemain yang menarik diri daripada pertandingan selepas pengesahan penyertaan hendaklah mematuhi ketetapan yang diperuntukkan di bawah Peraturan Am PSKK 2026.

12. KESALAHAN DAN DENDA

- 12.1. Semua pemain, Pengurus Pasukan dan Jurulatih hendaklah mematuhi Peraturan Pertandingan ini, Peraturan Am PSKK 2026 serta arahan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 12.2. Mana-mana agensi yang didapati mengemukakan maklumat palsu atau menggunakan pemain yang tidak layak boleh dikenakan tindakan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 12.3. Sebarang salah laku atau tindakan yang berlaku semasa sesuatu perlawanan hendaklah dikendalikan mengikut Undang-undang *USA Pickleball Official Rulebook 2026* serta keputusan Ketua Pengadil.

- 12.4. Mana-mana pemain, Pengurus Pasukan atau Jurulatih yang menunjukkan tingkah laku tidak beretika, tidak berhemah atau menjejaskan kelancaran pertandingan boleh dikenakan tindakan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 12.5. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak mengambil tindakan yang bersesuaian berdasarkan tahap kesalahan yang dilakukan, selaras dengan Peraturan Am PSKK 2026.

13. PERTUKARAN PEMAIN

- 13.1. Pertukaran pemain hanya dibenarkan sebelum sesuatu perlawanan bermula. Sebaik sahaja sesuatu perlawanan dimulakan, sebarang pertukaran pemain tidak dibenarkan sehingga perlawanan tersebut tamat.
- 13.2. Penggantian menggunakan pemain yang tidak didaftarkan adalah tidak dibenarkan.
- 13.3. Sebarang pertukaran pemain hendaklah dipohon dan mendapat kelulusan Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 sebelum perlawanan bermula.
- 13.4. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak meminta dokumen atau maklumat sokongan sebelum meluluskan sesuatu pertukaran pemain.
- 13.5. Pertukaran pemain hanya dibenarkan atas faktor kecederaan, masalah kesihatan atau sebab-sebab lain yang munasabah dan mendapat kelulusan Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

14. HAK JAWATANKUASA PERTANDINGAN

- 14.1. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 akan menjalankan undian perlawanan mengikut amalan dan format *USA Pickleball Official Rulebook 2026* yang terpakai.
- 14.2. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 adalah berhak mengambil / membuat sebarang keputusan jika timbul sesuatu kemusykilan / masalah dalam kejohanan ini yang tidak tercatat dalam Peraturan Pertandingan ini dan keputusan yang diambil adalah muktamad.

15. KESELAMATAN

- 15.1. Pihak penganjur menyediakan perkhidmatan ambulans dan paramedik di tempat pertandingan bagi sebarang kecederaan atau kecemasan yang berlaku ketika pertandingan berlangsung.
- 15.2. Semua pemain, pegawai pasukan dan peserta hendaklah mematuhi arahan Pegawai Teknikal, petugas pertandingan serta pihak keselamatan sepanjang pertandingan berlangsung.

- 15.3. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak menangguhkan, memberhentikan atau membatalkan sesuatu perlawanan sekiranya keadaan didapati boleh menjejaskan keselamatan pemain, pegawai atau orang awam.
- 15.4. Semua peserta bertanggungjawab memastikan keadaan fizikal masing-masing sesuai untuk mengambil bahagian dalam pertandingan serta mematuhi semua keperluan keselamatan yang ditetapkan.

16. PERKARA-PERKARA LAIN

- 16.1. Semasa permainan berlangsung, pemain tidak dibenarkan meninggalkan gelanggang tanpa kebenaran pengadil.
- 16.2. Sebarang pertanyaan mengenai keputusan hendaklah dibuat oleh kapten pasukan secara tertib kepada pegawai pertandingan.
- 16.3. Jawatankuasa Pengelola tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan harta benda, kecederaan atau kemalangan yang menimpa pemain / pasukan yang mengambil bahagian sepanjang kejohanan ini diadakan.
- 16.4. Semua peserta hendaklah menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi selain mengekalkan nilai-nilai murni bagi memastikan perjalanan pertandingan PSKK 2026 dilaksanakan dengan baik.
- 16.5. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak pada bila-bila masa mengesahkan identiti dan kelayakan mana-mana pemain sebelum, semasa atau selepas sesuatu perlawanan berlangsung.